

19 DEC 1996

Mahathir-produk

RAKYAT MALAYSIA MESTI YAKIN DENGAN PRODUK TEMPATAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari berkata rakyat Malaysia perlu yakin dalam menggunakan produk rekaan tempatan untuk menggalakkan pertumbuhan barang-barang buatan tempatan.

"Kita perlu sentiasa percaya bahawa kita bukan rendah dari orang lain, bahawa kita boleh buat semua ini dengan sendiri," kata beliau.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Infotech Malaysia '96 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, Perdana Menteri berkata silap salah dan kelemahan produk tempatan hanya akan dapat diketahui setelah digunakan.

Pada mulanya sudah tentu ada masalah yang perlu diperbaiki, tetapi kecuali kita menggunakannya, kita tidak akan dapat mengetahui apa silap dan kelemahan produk itu, kata beliau.

Kata beliau banyak benda yang direka di Malaysia yang tidak diterima oleh orang ramai dan agensi-agensi kerajaan.

Sebelum itu, pada satu sesi sidang video, Dr Mahathir berkata Malaysia perlu mula mengeluarkan perisian komputernya sendiri bagi menyelesaikan masalah harga mahal bahan itu yang diimport dari luar negeri.

"Rakyat Malaysia selalu mempercayai bahawa apa yang dibuat oleh orang asing adalah lebih baik, malahan, dalam hubungan ini, saya mempunyai masalah dengan agensi-agensi kerajaan," kata beliau ketika menjawab soalan seorang pelajar Universiti Sains Malaysia mengenai perisian yang mahal yang tidak mampu dibeli oleh pelajar-pelajar.

Beliau memberi contoh mengenai alat ballast (satu komponen dalam lampu flourosen) buatan tempatan yang tidak mendapat sambutan orang ramai dan juga agensi-agensi kerajaan.

Mengenai Koridor Super Multimedia (MSC), Dr Mahathir berkata kerajaan bersedia untuk mengambil sebarang risiko untuk memastikan kejayaan projek itu.

Kata beliau kesungguhan kerajaan dengan projek ini dapat dilihat melalui persediaan-persediaan seperti penggubalan dasar-dasar baru dan undang-undang berkaitan dengan teknologi maklumat. -- BERNAMA RAZ WAT